

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 12 March 2016 |

Gerakan jatuhkan PM gimik politik Tun Mahathir

Um - 12/3/2016

KOTA BHARU 11 Mac -Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengetuai gerakan bersama pembangkang bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah gimik politik beliau semata-mata untuk memainkan sentimen rakyat membenci pemerintah.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, Dr. Mahathir sepatutnya sedar negara mempunyai sistem iaitu pemimpin atau Perdana Menteri dipilih menerusi pilihan raya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Ketereh berkata, bekas Perdana Menteri itu dilihat bertindak demikian kerana sudah tidak mempunyai platform untuk bersuara selepas keluar daripada UMNO.



ANNUAR MUSA

"Saya rasa rakyat faham perkara itu adalah gimik politik untuk mengalihkan sentimen rakyat. Tiada lagi dalam sejarah pemimpin yang naik melalui tanda tangan kerana boleh jadi mereka (rakyat) yang tidak sokong juga boleh turunkan tanda tangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis bersama masyarakat Cina di Kampung To' Kong di sini hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir bersama bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir dan beberapa pemimpin lain telah menandatangani deklarasi bagi menyokong penyingkiran Najib.